



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**06 Disember 2022
11 Jamadilawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Pengusaha ikan kosongkan sangkar hadapi musim tengkujuh
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
The Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		30	6.12.2022

Pengusaha ikan kosongkan sangkar hadapi musim tengkujuh

TEMERLOH: Pengusaha ikan sangkar di pesisir Sungai Pahang di sini melakukan pelbagai persediaan berdepan musim tengkujuh termasuk mengosongkan sangkar bagi mengelakkan kerugian besar.

Difahamkan terdapat kira-kira 1,800 orang pengusaha ikan sangkar di pesisir Sungai Pahang dari Lipis ke Jerantut, Temerloh, Maran, Bera dan Pekan menghadapi masalah dan cabaran serupa.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pengusaha dari Kampung Bangau Tanjung Kawah, Ahmad Faiez Ahmad Zaidi, 33, berkata, antara langkah diambil mengetatkan dan menambah tali ikatan dan menggantikan tong rosak supaya sangkar tidak mudah hanyut apabila dilanda banjir.

Menurutnya, pengalaman lapan sangkar dihanyutkan banjir pada 2014 kerana tali yang diikat di pokok terputus akibat te-

kanan arus deras membuatkan-nya lebih bersedia.

"Secara umumnya, pengusaha ikan sangkar menghadapi masalah serupa iaitu dalam fasa pemulihan selepas dua tahun pandemik Covid-19 dan kenaikan makanan ikan.

"Ekoran itu harga ikan patin kini RM20 sekilogram berbanding RM17 hingga RM18 sekilogram. Kenaikan harga tidak dapat dielak bagi menampung

kos yang meningkat," katanya di sini semalam.

Seorang lagi pengusaha, Mohd. Syafik Ikhwan Ramli, 27, dari Kampung Pangsenam yang berkongsi 56 sangkar ikan dengan keluarga dan rakan turut menukar tali baharu bagi mengelak sangkar dari hanyut.

Menurutnya, arus deras Sungai Pahang boleh menyebabkan ikatan tali terputus.



PENGUSAHA ikan terpaksa mengosongkan sangkar dan menukar tali ikatan baharu sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh di Temerloh, Pahang.